

SEBAGAI manusia, kita mempunyai hak untuk memiliki harta. Allah Taala mengajar kita bahawa harta ini adalah suatu amanah yang perlu didapatkan dengan cara yang betul dan perlu diberikan ke jalan yang betul juga. Dunia ini merupakan alam imtihan dan cubaan. Disebabkan itulah jiwa manusia dihiasi dengan kecintaan terhadap dunia agar dapat dinilai siapakah yang menguasai dunia dan siapa pula yang dikuasai oleh dunia?

Allah Taala berfirman dalam surah Ali Imran, ayat 14, maksudnya: "Dihiasikan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diinginkan nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan

anak-pinak; harta benda yang banyak berpikul-pikul, dari emas dan perak; kuda yang bertanda lagi terlatih, dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. Dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu syurga)."

Dalam masa yang sama, Allah Taala meletakkan garis panduan yang jelas bagi mendapatkan harta untuk kita. Allah melarang kita daripada memakan harta orang lain secara batil iaitu dengan jalan yang salah. Allah berfirman dalam surah al-Baqarah, ayat 188, maksudnya: "Dan janganlah kamu makan harta orang lain di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-

hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)."

Semasa mentafsirkan potongan ayat ini "dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim," al-Imam al-Qurtubi rahimahullah mengatakan bahawa "Antara maksudnya adalah: kamu memberi rasuah kepada hakim-hakim agar mereka menghukumkan lebih banyak harta untukmu." Dengan ini, perbincangan akan difokuskan kepada pemberian rasuah.

Apa itu Rasuah?

Dalam *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah* (22/220), rasuah didefinisikan sebagai: "Sebarang pemberian yang bertujuan memalsukan kebenaran dan membenarkan kepalsuan." Sumber ini juga menjelaskan beberapa perkataan yang sering digunakan atas nama rasuah.

● **PERTAMA**, *musana'ah* (saling membuat); ertinya anda buat sesuatu untuk seseorang agar dia

membalas dengan membuat sesuatu untuk anda.

● **KEDUA**, suht (harta haram yang tiada berkat); sebahagian ulama menamakan rasuah sebagai suht. Namun, sebenarnya suht lebih umum lagi iaitu apa sahaja harta yang haram.

● **KETIGA**, hadiah; iaitu apa sahaja yang anda berikan kepada seseorang sebagai penghormatan.

● **KEEMPAT**, hibah; iaitu pemberian semasa hidup tanpa diharap pulangan. Beza antara rasuah dan hibah adalah rasuah diberi untuk pulangan yang diharapkan manakala hibah diberi tanpa diharap pulangan.

● **KELIMA**, sedekah; iaitu pemberian yang merangkumi zakat yang wajib dan sedekah yang sunat. Beza antara rasuah dan sedekah adalah rasuah diberi untuk mendapat balasan duniawi manakala sedekah diberi untuk mendapat keredaan Allah.

Melalui penjelasan ringkas ini, dapatlah dibuat kesimpulan awal bahawa rasuah itu adalah suatu pemberian yang bertujuan untuk memalsukan kebenaran dan membenarkan kepalsuan. Seterusnya, apa sahaja istilah dan perkataan lain yang membawa maksud ini, hukumnya adalah sama dengan rasuah walaupun zahirnya nampak mulia; seperti hadiah, hibah dan sedekah; jika tujuannya adalah untuk memalsukan kebenaran dan membenarkan kepalsuan.

Rasuah Adalah Haram

Berdasarkan kepada beberapa dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah, jelaslah bahawa rasuah itu adalah haram. Antara dalil-dalil ini adalah ayat al-Quran yang dinyatakan sebentar tadi iaitu ayat

Pekerja yang mendapat gaji adalah dilarang daripada mengambil hadiah daripada pihak yang menerima khidmatnya, jika khidmat itu dibayar dengan gaji itu. Mengambil upah atas tanggungjawab yang dibayar dengan gaji adalah merupakan satu bentuk pengkhianatan.

188, surah al-Baqarah.


Dalam sebuah hadis, Abdullah bin Amr radialluhu 'anhu berkata, "*Rasulullah s.a.w. telah melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah.*" (Hadis riwayat al-Imam al-Tirmizi, Kitab al-Ahkam, Bab Ma ja'a fi al-rashi wal-murtashi fi al-hukm, No. 1337. At-Tirmizi berkata: Hasan Sahih)

al-Shaikh al-Mubarakfuri rahimahullah menjelaskan hadis ini dengan membawa kata-kata al-Imam Ibnu al-Athir rahimahullah, maksudnya: "Al-Rashi adalah orang yang memberi sesuatu kepada orang yang membantunya melakukan kebatilan. Al-Murtashi pula adalah orang yang mengambil rasuah, manakala al-ra'ish pula adalah orang tengah antara mereka berdua. Adapun pemberian yang bertujuan untuk mendapatkan hak atau menolak kezaliman, maka ini tidak termasuk dalam rasuah. Terdapat riwayat daripada Ibnu Mas'ud bahawa beliau ditahan di negeri Habasyah lalu beliau berikan dua dinar dan beliau dibebaskan. Terdapat juga riwayat daripada sekumpulan ulama Tabi'in yang berkata: Tidak mengapa jika seseorang itu memberi sesuatu kepada orang lain jika risau kezaliman atas dirinya dan hartanya."

Daripada penjelasan ini, bolehlah ditekankan bahawa rasuah adalah pemberian untuk melakukan kebatilan; iaitu memalsukan kebenaran dan membenarkan kepalsuan. Namun, jika pemberian itu dilakukan seseorang untuk mendapatkan kembali haknya, maka pemberian ini tidak dikategorikan sebagai rasuah. Sebagai contoh, jika telefonnya dirampas tanpa hak dan dia tidak dapat mengembalikan telefonnya kecuali dengan memberi duit, maka ini bukanlah rasuah. Dalam keadaan ini, orang yang memberi itu tidak berdosa kerana dia hanya berusaha untuk mendapatkan haknya kembali. Namun, penerima adalah berdosa kerana dia memakan harta orang lain dengan cara yang salah.

Hukum Haram Dikecualikan Dalam Satu Keadaan

Al-Shaikh Muhammad bin Salih al-Munajjid hafizahullah menukilkan kalam beberapa para ulama berkenaan hal ini. Antaranya kalam al-Imam Taqiyuddin al-Subki rahimahullah dalam Fatawa al-Subki (1/204), maksudnya: "Maksud rasuah adalah sesuatu yang diberi untuk menolak kebenaran dan mendapatkan kepalsuan. Jika



RASUAH!

Permulaan Bagi Sebuah Kehancuran

diberikan untuk sampai kepada penghukuman dengan kebenaran, maka pemberian ini haram ke atas orang yang mengambilnya. Adapun orang yang memberi, jika dia tidak dapat sampai kepada haknya kecuali dengan cara memberi, maka dibenarkan. Namun jika dia dapat sampai kepada haknya tanpa memberi, maka tidak dibenarkan."

Al-Shaikh al-Munajjid hafizahullah juga membawa kalam al-Imam al-Suyuti rahimahullah dalam al-Ashbah wal-Naza'ir (hlm. 150), maksudnya: "Kaedah ke 27: Apa yang haram diambil, maka haram juga diberi; seperti riba, upah pelacur, upah tukang tilik, rasuah, upah orang yang meratap dan upah tukang muzik. Namun dikesualikan beberapa keadaan, antaranya seseorang itu memberi rasuah kepada hakim (pemerintah atau hakim mahkamah) untuk mendapatkan haknya, membebaskan banduan dan memberi sesuatu kepada orang yang dikhuatiri akan menjatuhkan maruahnya."

Hadiah Pekerja, Adakah Rasuah?

Persoalan hadiah yang diberikan kepada pekerja adalah satu perkara yang ditekankan oleh Rasulullah s.a.w. Hal ini dinyatakan dalam hadis berikut: Dari Abu 'Adi bin 'Amirah al-Kindi Radiallahu anhu katanya, Aku pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya: *"Barang siapa di antara kalian yang kami tugaskan untuk suatu pekerjaan (tugas), lalu dia menyembunyikan dari kami sebatang jarum atau lebih dari itu, maka itu adalah gholul (khianat) yang akan dia bawa pada hari kiamat."* *Adi berkata: Maka seorang lelaki hitam dari kalangan Ansar berdiri menghadap baginda, seolah-olah aku melihatnya, lalu berkata, "Wahai Rasulullah, ambillah semula tugasmu ini."* Baginda bertanya, *"Apa masalahmu?"* Dia menjawab, *"Aku mendengar tuar berkata demikian dan demikian (maksudnya perkataan di atas)."* Baginda berkata, *"Aku tetap mengatakannya sekarang juga: "Barang siapa di antara kalian yang kami tugaskan untuk suatu pekerjaan (tugas), hendaklah dia membawa hasilnya sama ada sedikit mahupun banyak. Kemudian apa yang diberikan kepadanya, dia boleh ambil dan apa yang dilarang, dia perlu tinggalkan."* (HR al-Imam Muslim, Kitab al-Imarah, Bab Tahrim hadaya al-ummal, No. 1833) Hadis ini jelas menunjukkan bahawa orang yang mendapat gaji melalui sesuatu pekerjaan, dia dilarang mengambil upah daripada orang ramai untuk pekerjaannya itu. Hadiah yang

diberikan oleh orang ramai untuk pekerja yang bergaji adalah untuk majikannya.

Hal ini diberi penekanan dengan lebih jelas lagi dalam hadis berikut, maksudnya: Dari Abu Humayd al-Sa'idi radiallahu anhu katanya: *Rasulullah s.a.w. telah melantik seorang lelaki daripada Bani Sulaim yang dikenali sebagai Ibn al-Lutbiyyah. Apabila dia datang untuk perkiraan, dia berkata, "Ini harta kalian, ini pula hadiah (untukku). Lalu Rasulullah bersabda, "Kenapa kamu tidak duduk sahaja di rumah kedua orang tuamu lalu kamu lihat adakah hadiah itu akan sampai kepadamu, jika kamu benar?" Kemudian Baginda berkhutbah kepada kami lalu Baginda memuji Allah dan memuja-Nya. Kemudian Baginda bersabda, "Amma ba'du (seterusnya), maka sesungguhnya aku melantik seseorang dari kalian untuk salah satu tugas yang Allah berikan kepadaku, lalu dia datang dan berkata: "Ini harta kalian, ini pula hadiah yang diberikan untukku." Kenapa dia tidak duduk sahaja di rumah kedua orang tuanya lalu dia lihat adakah hadiah itu akan sampai kepadanya? Demi Allah, tiada seorang pun di kalangan kalian yang mengambil sesuatu pun tanpa haknya kecuali dia akan berjumpa Allah dalam keadaan memikulnya pada hari Kiamat kelak..."* (HR al-Imam al-Bukhari, Kitab al-Hiyal, Bab Ihtiyal al-'amil li yuhdah lah, No. 6578) Al-Imam Ibnu Hajar rahimahullah menjelaskan petunjuk hadis ini dengan berkata, maksudnya, "Hadis ini mengandungi larangan terhadap pekerja daripada menerima hadiah daripada pihak yang

tertakluk kepada hukumnya. Hal ini adalah jika al-Imam (pihak atasan) tidak mengizinkan hal tersebut." Beliau menyebut lagi, "Digolongkan juga dalam hukum hadiah kepada pekerja, hadiah orang yang berhutang kepada pihak yang memberi hutang. Namun, pemberi hutang boleh menerima hadiah jika ditolak nilainya daripada hutang." Ibnu Hajar meneruskan lagi dengan berkata, "pekerja dibenarkan mengambil hadiah daripada pihak yang pernah memberi hadiah sebelum dia dilantik menjadi pekerja. Itu pun jika tidak lebih daripada kebiasaan sebelum itu." Dalam al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah (22/223-225), terdapat perincian tentang status rasuah bagi beberapa individu seperti berikut:

Rasuah Bagi Penerima

PERTAMA, al-Imam wal-wulah (pemerintah dan pembantunya); hukumnya haram.
KEDUA, al-'Ummal (pekerja); hukumnya haram.
***KETIGA**, al-Qadi (hakim dan kadi); hukumnya haram.
KEEMPAT, al-Mufti (mufti); hukumnya haram jika tujuannya adalah agar beliau memfatwakan menurut kehendak pemberi. Namun dibenarkan mufti menerima hadiah. Walau bagaimanapun lebih utama untuk tidak menerima hadiah itu.
KELIMA, al-Mudarris (guru); hadiah kepada guru hukumnya dibenarkan jika diberi semata-mata kerana ilmunya dan kebbaikannya



serta sebagai tanda kasih sayang. Namun jika diberi hadiah supaya dia melaksanakan tugasnya, maka lebih utama untuk tidak menerima hadiah itu.

KEENAM, al-Syahid (saksi); saksi diharamkan mengambil rasuah. Jika dia ambil hilangnya sifat 'adalahnya (keadilan/kredibiliti).

Rasuah Bagi Pemberi

PERTAMA, al-Haj (orang yang melaksanakan haji); makruh memberi duit kepada penyamun. Jika dapat diberi upah kepada penjaga jalan, maka hendaklah dilakukan.
KEDUA, Sahib al-arid al-kharajiyah (empunya tanah yang dikenakan cukai); memberi sesuatu kepada penguasa yang zalim agar tidak berlaku zalim ke atasnya adalah dibenarkan. Namun dilarang memberi hadiah kepada penguasa agar tidak dikenakan kharaj (cukai) kerana ini merupakan pembatalan hak.
KETIGA, al-Qadi (hakim atau kadi); diharamkan bagi seseorang itu untuk memberi rasuah agar dia dilantik menjadi hakim atau kadi.
Rasuah Menghancurkan Negara
Berdasarkan huraian ringkas tentang rasuah di atas, dapatlah

dirumuskan bahawa rasuah yang membawa maksud pemberian yang bertujuan untuk memalsukan kebenaran dan membenarkan kepalsuan adalah satu dosa besar. Pemberi rasuah dan penerima rasuah adalah dilaknat. Pekerja yang mendapat gaji adalah dilarang daripada mengambil hadiah daripada pihak yang menerima khidmatnya, jika khidmat itu dibayar dengan gaji itu. Mengambil upah atas tanggungjawab yang dibayar dengan gaji adalah merupakan satu bentuk pengkhianatan.

Justeru, jika hal ini berleluasa dalam kalangan pemerintah dan pembantunya serta pekerjaannya, maka ini akan menyebabkan hilangnya amanah dan hilangnya sifat amanah dalam pentadbiran sesebuah negara. Pastinya ini adalah permulaan bagi suatu kebinasaan kerana orang yang khianat adalah tidak berkeahlian. Memberi tugas kepada orang yang tidak berkeahlian pula adalah suatu yang disifatkan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai permulaan bagi sebuah kehancuran.

Oleh itu, sama-samalah kita melaksanakan tugas yang diberikan dengan penuh amanah. Semaikanlah sifat al-qana'ah (mencukupi) dan al-rida bil qalil (redha dengan harta yang sedikit). Yakinlah dengan janji Allah bagi hamba-hamba-Nya yang bertakwa bahawa Allah akan membuka ruang rezeki dari sudut yang tidak disangka-sangka dan Allah akan memberkati rezekinya; walaupun sedikit namun mencukupi keperluannya dan menenangkan jiwanya. Semoga Allah menyucikan kita semua dari rasuah yang dilaknat pemberi dan penerimanya. Amin... **A**

